

89
SOALAN NO: 43

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Puan Rubiah Binti Haji Wang
[Kota Samarahan]

TARIKH : 15 MAC 2018 (KHAMIS)

**SOALAN : Puan Rubiah Binti Haji Wang [Kota
Samarahan] minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan :**

- a) apakah bentuk galakan kepada petani tradisional di Sarawak untuk menceburkaedah pertanian moden yang mampu memberi pulangan yang lebih tinggi; dan
- b) apakah Kementerian merancang membina Pusat Transformasi Luar Bandar di kawasan Asajaya dalam bahagian Samarahan. (**input KKLW*)

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- a) Di antara usaha yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Sarawak bagi menggalakkan petani-petani untuk menceburi bidang pertanian moden yang mampu memberi pulangan yang lebih tinggi adalah melalui :
- i) pemberian skim bantuan bagi menggalakkan para petani untuk terlibat dalam bidang pertanian. Diantara skim bantuan yang diberikan adalah seperti Skim Tanaman Sayur Sistem Jejaring, Skim Tanaman Sayur Sistem Fertigasi, Skim Pemiliharaan Kelulut, Skim Tanaman Buah-Buahan, Skim Tanaman Kelapa Dan Skim Tanaman Kontan, Herba Dan Rempah. Jabatan Pertanian Sarawak juga menggalakkan para petani untuk menceburi bidang tanaman yang bernilai tinggi dan mendatangkan keuntungan seperti tanaman durian Musang King dan nanas MD2, madu kelulut dan produk-produk hiliran lain yang berpotensi.
 - ii) Pemberian skim bantuan seperti Projek Asas Akuakultur, Projek Usahawan Akuakultur dan Usahawan Akuakultur Komersil juga telah diperkenalkan bagi penternak atau pengusaha yang berminat dalam menceburi ternakan ikan atau udang sama ada dalam kolam, tangki atau sangkar. Nilai bantuan bagi setiap skim tersebut adalah bergantung kepada jenis projek yang dipohon.
 - iii) Pemberian skim bantuan kepada para petani yang berpotensi dan berminat menceburi bidang keusahawanan pemprosesan makanan dan bukan makanan melalui

9) Program Pembangunan Industri Makanan dan Program Pembangunan Keusahawanan. Tumpuan diberikan kepada pembangunan dan peningkatan kualiti produk bagi mencapai pasaran yang lebih luas. Bantuan diberi adalah untuk pembelian mesin dan peralatan pemprosesan, bahan mentah dan input pertanian serta penambahbaikan premis untuk peningkatan kapasiti pengeluaran dan kualiti produk.

- iv) Memperkenalkan dan mempromosikan teknologi pengeluaran terkini seperti *Smart Farming* dan *Internet of Things* (IoT) bagi petani untuk meningkatkan hasil dan kualiti pengeluaran pertanian.
- v) Menjalankan khidmat pengembangan dan latihan bagi meningkatkan pengetahuan dan permindahan teknologi terkini kepada para petani.

- b) Secara dasarnya pembinaan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) pada masa ini ialah 1 RTC di setiap negeri Semenanjung dan lebih daripada 1 RTC bagi negeri Sabah dan Sarawak mengambil kira keadaan geografinya yang luas. Bagi Negeri Sarawak, 3 RTC telah pun dibina iaitu di Betong, Bario dan Sibuti. Pada masa ini, Kementerian tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah lagi RTC di kawasan Asajaya dalam bahagian Samarahan bagi memberi peluang kepada penumpuan kepada prestasi pengoperasian RTC sedia ada agar ia dapat dimaksimakan sebaik mungkin. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) tidak menolak sekiranya pada masa hadapan wujud keperluan mendesak bagi RTC ditubuhkan di Asajaya dan Kementerian akan melihat kepada faktor kesesuaian dan kemampuan kewangan negara.

SOALAN : 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B PROF DR. ISMAIL B. DAUT [MERBOK]

TARIKH : 15 MAC 2018

RUJUKAN : 10583

SOALAN :

Dr. Ismail Bin Daut [Merbok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan negeri manakah yang mempunyai kes pendatang asing tanpa izin paling tinggi dan yang paling sedikit setakat ini serta adakah operasi bersepadu yang dijalankan telah membendung kebanjiran pendatang asing tanpa izin ke negara kita.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah menjalankan operasi secara holistik bagi menangkap serta mendakwa Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang melakukan kesalahan Imigresen. JIM Sabah telah menangkap seramai 19,066 orang PATI pada tahun 2015 dan 8,913 orang PATI pada tahun 2016. Pada tahun 2017, negeri Johor merupakan negeri yang mencatat kes tangkapan paling tinggi iaitu seramai 6,409 orang. Manakala Wilayah Persekutuan Labuan mencatat kes tangkapan PATI paling rendah bagi 3 tahun berturut-turut iaitu seramai 329 orang (2015), 162 orang (2016) dan 124 orang (2017).

JIM turut mengadakan operasi bersepadu di bawah Strategi Lautan Biru (NBOS) bersama Polis DiRaja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pengangkutan Jalan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Jabatan Sukarelawan Malaysia, *Eastern Sabah Security Command*, Agensi Kawalan Sempadan Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bagi membendung kebanjiran PATI.

94

SOALAN : 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA (BAKRI)

TARIKH : 15 MAC 2018

RUJUKAN : 10584

SOALAN :

PR-1361-L05280

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah penagih dadah mengikut jantina, umur dan kaum di setiap negeri serta berapa bilangan menerima rawatan pemulihan dadah mengikut tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan 2017.

95
JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Penagih dadah yang dikesan dan diambil tindakan di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 menjalani program pemulihan yang disediakan oleh Kementerian melalui Agensi Antidadah Kebangsaan. Jumlah penagih dadah yang dikesan adalah seramai 20,887 orang pada tahun 2013, seramai 21,777 orang (tahun 2014), seramai 26,668 orang (tahun 2015) dan seramai 30,844 orang (tahun 2016).

JADUAL 1: JUMLAH PENAGIH DADAH YANG DIKESAN MENGIKUT JANTINA BAGI TAHUN 2013 – 2017

TAHUN	JANTINA				JUMLAH (ORANG)	
	Lelaki		Perempuan			
	Bil. orang	Peratus (%)	Bil. orang	Peratus (%)		
2013	20,219	96.8	668	3.2	20,887	
2014	21,078	96.8	699	3.2	21,777	
2015	25,655	96.2	1,013	3.8	26,668	
2016	29,660	96.2	1,184	3.8	30,844	
2017	24,926	96.3	966	3.7	25,922	

Sumber: AADK

JADUAL 2: JUMLAH PENAGIH DADAH YANG DIKESAN MENGIKUT KAUM BAGI TAHUN 2013 SEHINGGA 2017

TAHUN	KAUM						JUMLAH (ORANG)	
	MELAYU	PRIBUMI		CINA	INDIA	LAIN-LAIN*		
		SABAH	SARAWAK					
2013	16,092	467	137	2,081	1,975	135	20,887	
2014	17,122	842	180	1,828	1,657	148	21,777	
2015	21,335	774	148	2,117	2,113	181	26,668	
2016	24,901	977	154	2,182	2,428	202	30,844	
2017	20,956	999	113	1,947	1,760	147	25,922	

*Lain-lain merujuk kepada Punjabi, Siam, Serani dan Orang asli.

Sumber: AADK

JADUAL 3: JUMLAH PENAGIH DADAH MENGIKUT UMUR KETIKA DIKESAN BAGI TAHUN 2013 SEHINGGA 2017

TAHUN	UMUR (ORANG)								JUMLAH
	<13	13-15	16-19	20-24	25-29	30-34	35-39	≥40	
2013	0	18	847	3,212	3,968	4,022	3,191	5,629	20,887
2014	0	28	1,173	3,751	4,154	3,961	3,247	5,463	21,777
2015	0	45	1375	4,986	4,977	4,936	3,976	6,373	26,668
2016	0	85	1,595	5,572	5,719	5,849	4,715	7,309	30,844
2017	0	72	1,300	4,706	4,735	4,820	3,884	6,405	25,922

Sumber: AADK

1

**JADUAL 4: JUMLAH PENAGIH DADAH YANG DIKESAN MENGIKUT NEGERI BAGI
TAHUN 2013 SEHINGGA 2017**

Tahun	Negeri															Jumlah	
	Pulau Pinang	Selangor	Kedah	Terengganu	Kelantan	Perak	Johor	WPKL	Pahang	Negeri Sembilan	Sabah	Perlis	Melaka	Sarawak	WP Putrajaya	WP Labuan	
2013	3,043	2,226	2,702	641	895	2,789	1,874	1,841	1,621	1,008	513	374	675	650	20	15	20,887
2014	2,780	2,051	2,535	579	1,399	2,716	1,992	1,698	1,903	951	940	499	845	854	16	19	21,777
2015	4,280	2,987	2,945	1,022	1,994	3,106	2,541	1,328	2,066	1,050	898	781	944	658	32	36	26,668
2016	5,081	3,176	3,862	1,676	3,233	2,639	2,565	1,695	2,419	1,172	1,044	692	930	534	47	79	30,844
2017	3,844	2,375	2,655	2,044	3,700	1,557	2,108	1,655	2,088	1,012	1,047	654	613	440	38	92	25,922

Sumber: AADK